

CNS0072

GB 05-03 00158 BH050

aab

Mahathir - Johor (Ulangan membetulkan nama Segi Tiga)

I

Daripada Syed Imran Alsagoff

BATAM (INDONESIA), 5 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia sedang mengkaji kemungkinan menandatangani satu memorandum persefahaman (MOU) dengan Singapura untuk sama-sama membangunkan Johor sebagai sebahagian daripada konsep Pertumbuhan Ekonomi Segi Tiga.

Perdana Menteri berkata kerajaan pusat sedang meneliti memorandum itu sebelum sebarang keputusan dibuat.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang melukakan lawatan sehari ke Batam, berkata demikian kepada pemberita semasa ditanya mengenai cadangan Perdana Menteri Singapura Encik Goh Chok Tong agar Malaysia dan Singapura menandatangani memorandum tersebut bagi membangunkan Johor.

Menurut Encik Goh jika kedua-dua negara menandatangani perjanjian itu, maka +dua bahagian daripada segi tiga itu dapat disempurnakan+ kerana Singapura telahpun mempunyai perjanjian seperti itu dengan Indonesia untuk membangunkan wilayah Riau.

Katanya bahagian ketiga akan dapat dibereskan jika Malaysia mengadakan perjanjian dengan Indonesia.-- Lagi

♥05/03/19-45MST

CNS0085

U GB 05-03 00119 BH051

aab

Mahathir - Johor 2 Batam

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia menyambut baik usaha sama dalam membangunkan kawasan berkenaan dan cadangan Encik Goh akan dikaji secara mendalam.

Mengenai perbincangan antara rakan kongsi konsep itu, Perdana Menteri berkata ia seharusnya diadakan pada peringkat kerajaan pusat bagi membolehkan perkara-perkara pokok dihalusi.

Sebagai contoh, kata beliau, Batam dan Singapura adalah pelabuhan bebas tetapi Johor tidak.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata bahawa Malaysia boleh menyertai usaha-usaha membangunkan Batam di bawah konsep berkenaan.

Beliau tidak menyatakan bidang-bidang tertentu tetapi menjelaskan bahawa syarikat-syarikat Malaysia boleh melabur dalam Taman Industri Batam yang sedang dibangunkan oleh Singapura dan Indonesia.-- Lagi

♥05/03/20-17MST

CNS0092

U GB 05-03 00180 BH052

aab

Mahathir - Johor 3 Batam

Sebelum itu, semasa tiba dari Bali di lapangan terbang Hang Nadim, Datuk Seri Dr Mahathir disambut oleh Menteri Penyelidikan dan Teknologi Indonesia, Prof B.J.Habibie dan para pegawai Riau.

Perdana Menteri diiringi oleh Menteri Kewangan Datuk Paduka Daim Zainuddin, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, Menteri Besar Johor Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menanam sebatang pokok beringin di Pusat Batam sebagai tanda persahabatan rakyat Malaysia dan Indonesia.

Pada November 1987, Presiden Suharto dan Perdana Menteri Singapura ketika itu, Encik Lee Kuan Yew juga menanam pokok daripada jenis yang sama di kawasan berkenaan. Terdapat tiga lagi kawasan untuk ketua-ketua kerajaan tiga lagi anggota Asean — Brunei, Thailand dan Filipina.

Datuk Seri Dr Mahathir mempunyai aturcara yang ketat, dengan menghadiri taklimat oleh para pegawai Indonesia dan Singapura di Wisma Batam dan di Taman Industri Batam.

Beliau berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada 6 petang.— Bernama

♥05/03/20-29MST